

**FINAL EXAMINATION**  
**MARCH 2022**

---

<b>COURSE TITLE</b>	<b>TAMADUN ISLAM &amp; TAMADUN ASIA</b>
<b>COURSE CODE</b>	<b>MPU3123</b>
<b>DATE/DAY</b>	<b>25 JUNE 2022 / SATURDAY</b>
<b>TIME/DURATION</b>	<b>01:00 PM - 03:00 PM / 2 Hours</b>

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :**

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of **13** Printed Pages including front page)

**Kertas soalan ini mempunyai 40 soalan objektif. Jawab SEMUA dengan membulatkan huruf jawapan ataupun melakarkan jawapan mengikut kehendak soalan**

**(40 markah)**

1. Apakah perkaitaan di antara **Ibn Khaldun** dengan pengajian ilmu ketamadunan?
  - A. Beliau merupakan sarjana pertama yang menulis mengenai ilmu ketamadunan
  - B. Beliau seorang sarjana yang berkemahiran di dalam banyak bidang ilmu
  - C. Beliau merupakan sarjana Islam pertama yang mengkaji tentang sejarah masyarakat Arab
  - D. Beliau merupakan satu-satunya sarjana Islam yang diiktiraf oleh dunia barat
  
2. Manakah di antara berikut **BUKAN** ciri-ciri sejagat tamadun
  - A. Kewujudan sistem organisasi dan institusi sosial
  - B. Manusia tinggal secara menetap dan tidak berpindah randah
  - C. Banyak berlaku penguasaan dan penyerapan budaya yang kuat
  - D. Kelahiran dan perkembangan daya kreativiti dalam aspek kesenian dan kesusasteraan
  
3. Mengapakah kehidupan beragama sangat penting dalam tamadun manusia?
  - I. Agama menjadi penawar kehidupan
  - II. Agama boleh membentuk pekerti mulia
  - III. Agama dapat membentuk pandangan semesta
  - IV. Agama memberi kuasa mutlak kepada golongan agama atau pendeta
  - A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

4. Apakah faktor **UTAMA** yang menentukan jangka hayat sesebuah tamadun?
- A. Politik yang kukuh
  - B. Kehalusan budi pekerti
  - C. Pencapaian materialistik
  - D. Rampasan perang yang bertimbun
5. Manakah di antara pernyataan berikut yang **TIDAK TEPAT** berkaitan dengan konsep hubungan antara tamadun dengan budaya?
- A. Semakin tinggi pencapaian tamadun maka semakin tinggi kehalusan budaya
  - B. Pengaruh tamadun berkekalan lebih lama berbanding pengaruh budaya
  - C. Tamadun melampaui batas-batas kenegaraan sedangkan budaya dikaitkan dengan negara-negara tertentu
  - D. Sesebuah tamadun dianggap gagal jika tidak berjaya mengasimilasikan kepelbagaian budaya yang dimilikinya
6. Apakah faktor-faktor kegemilangan sesebuah tamadun?
- I. Kepimpinan yang berkualiti
  - II. Menekankan kepentingan ilmu
  - III. Keutamaan terhadap nilai agama dan moral
  - IV. Sikap mementingkan kecemerlangan di dunia
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV
7. Apakah sebab sesuatu peperangan itu dibenarkan di dalam Islam?
- A. Untuk menakluki kawasan lain
  - B. Untuk menyebarkan agama Islam
  - C. Untuk mempertahankan agama dan negara
  - D. Untuk menunjukkan kekuatan tentera Islam

8. Apakah takrifan yang **PALING TEPAT** mengenai tamadun Islam
- A. Kemantapan tauhid umat Islam sepanjang zaman
  - B. Kemajuan dicapai umat Islam sepanjang sejarahnya
  - C. Pencapaian umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan
  - D. Kemajuan rohani dan jasmani berdasarkan syariat Islam
9. Ciri-ciri masyarakat bertamadun menurut Islam adalah seperti yang berikut, **KECUALI**
- A. Melaksanakan tugas sebagai amanah
  - B. Mematuhi panduan syariah
  - C. Kebahagiaan akhirat adalah matlamat utama
  - D. Kesamarataan dan kebebasan sebagai ukuran
10. Berikut adalah peranan institusi masjid dalam Islam, **KECUALI**
- I. Tempat bermusyawarah
  - II. Tempat menunaikan ibadat
  - III. Tempat menuntut ilmu
  - IV. Tempat aktiviti riadah dan rekreasi
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. I, II dan IV
  - D. IV sahaja
11. Khalifah Harun al-Rasyid terkenal dalam sejarah sebagai seorang khalifah yang sangat mencintai ilmu. Baginda telah membina sebuah pusat ilmu dan maklumat bagi menyelaraskan segala kegiatan keilmuan di Baghdad yang dinamakan \_\_\_\_\_; atau juga dikenali sebagai 'House of Wisdom'.
- A. Baitul Izzah
  - B. Baitul Hikmah
  - C. Baitul Ilmu
  - D. Baitul Mal

12. Antara hak yang diberikan oleh Islam kepada golongan wanita ialah hak bekerja. Hal ini dibenarkan dalam keadaan yang berikut **KECUALI**
- A. Suasana masyarakat yang meletakkan wanita bekerja itu sebagai golongan yang dihormati.
  - B. Wanita terpaksa membantu suaminya mencari nafkah untuk menampung keperluan keluarga.
  - C. Ibu bapa mengharapkan supaya anak perempuan mereka mempunyai pekerjaan yang sesuai sebagai jaminan masa hadapan.
  - D. Keperluan masyarakat kepada kemahiran dan kepakaran yang dimiliki oleh seseorang wanita dalam bidang-bidang yang kritikal.
13. Pada pendapat anda, apakah persamaan masyarakat Madinah dengan masyarakat negara kita pada masa kini?
- A. Dilarang beragama
  - B. Wajib memeluk agama Islam
  - C. Mesti meninggalkan agama asal
  - D. Agama Islam merupakan agama rasmi negara
14. Apakah strategi **PALING BERKESAN** untuk mengembalikan umat Islam ke zaman kegemilangannya?
- A. Mengadaptasikan teknologi Barat dalam semua aspek kehidupan
  - B. Mengajak umat kembali menghayati keseluruhan ajaran Islam
  - C. Menjalin hubungan baik dengan negara-negara kuasa besar dunia
  - D. Mewujudkan jalinan pakatan ketenteraan dalam kalangan negara Islam
15. Manakah di antara berikut merupakan agama atau kepercayaan yang menjadi anutan masyarakat Melayu pra-Islam?
- I. Animisme
  - II. Hindu
  - III. Buddha
  - IV. Kristian

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

16.

*"Bagai menatang minyak yang penuh"*

merupakan bidalan Melayu yang bermaksud

- A. membuat sesuatu pekerjaan sambil lewa
- B. persahabatan yang sangat erat
- C. mendidik anak dengan penuh belaian kasih sayang
- D. pasangan yang sama padan dan sama cantik

17. Pencapaian tamadun Melayu dalam bidang sains dan teknologi memperlihatkan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu.

Yang manakah **BUKAN** sukatan untuk pengukuran berat?

- A. tahlil
- B. mayam
- C. gantang
- D. jengkal

18. Yang manakah antara berikut merupakan faktor penyebaran Islam ke Tanah Melayu?

- I. Perdagangan
- II. Perkahwinan
- III. Pendakwahan
- IV. Keistimewaan Islam

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II, dan IV sahaja
- C. II, III, dan IV sahaja

- D. Kesemua di atas
19. Apakah definisi Melayu menurut Perlembagaan Persekutuan ?
- I. Boleh bertutur di dalam Bahasa Melayu
  - II. Mengamalkan adat istiadat Melayu
  - III. Berasal daripada keturunan Melayu
  - IV. Beragama Islam
- A. I dan II
  - B. I, II dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV
20. Sebuah batu bersurat yang ditemui pada 1303 Masihi mengandungi beberapa undang-undang Islam yang dipraktikkan oleh masyarakat di Tanah Melayu.
- Artifak ini merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. Batu Bersurat Terengganu
  - B. Batu Bersurat Kedukan Bukit
  - C. Batu Bersurat Kota Kapur
  - D. Batu Nisan di Pekan, Pahang
21. Unsur-unsur tamadun India yang digunakan di dalam adat istiadat perkahwinan masyarakat Melayu adalah seperti berikut **KECUALI**
- A. Bersanding
  - B. Berinai
  - C. Menepung Tawar
  - D. Akad Nikah
22. Sistem \_\_\_\_\_ adalah satu bentuk pengagihan stratifikasi sosial melalui adat perkahwinan, darjat, status dan interaksi sosial yang diklasifikasikan melalui hirarki pekerjaan.
- A. Karma
  - B. Kasta
  - C. Ksatria



- D. Kanun
23. Perbezaan utama di dalam Tamadun India dan Tamadun Melayu adalah
- A. Konsep ketuhanan yang *monotheisme*
  - B. Adat Istiadat Raja-raja Melayu
  - C. Resepi masakan
  - D. Seni persembahan
24. Perbuatan baik akan membawa kesan yang baik, manakala perbuatan yang jahat akan membawa padah.
- Hukum apakah yang menekankan prinsip ini?
- A. Himsa
  - B. Karma
  - C. Kasta
  - D. Kanun
25. Amalan 5 Ks yang terdiri daripada Kesh (Tidak memotong rambut), Kara (Gelang Besi), Kanga (Sisir kayu), Kachera (seluar jerut kapas) dan Kirpan (pedang kecil) adalah simbol pengabdian dan kesetiaan penganut agama \_\_\_\_\_ kepada Guru Gobind Singh.
- A. Jainism
  - B. Sikh
  - C. Hindu
  - D. Buddha
26. Pernyataan berikut merujuk kepada masyarakat Dravida di dalam Tamadun India **KECUALI**
- A. Ketumpatan penempatan tertinggi di kawasan selatan India
  - B. Berbahasa Tamil
  - C. Mazhab Saivisme dan Vaishnavisme menjadi asas kepercayaan
  - D. Berbahasa Sanskrit



27. Empat penciptaan agung tamadun Cina adalah membuat kertas, pencetakan dan bahan letupan.

Nyatakan satu lagi nama penciptaan agung tamadun Cina

- A. Kompas
  - B. Kincir Angin
  - C. Kapal Korek
  - D. Alatan memburu
28. Apakah nama laluan yang digunakan untuk menyebarkan agama islam ke China pada abad ke-13M ?
- A. Laluan Sutera
  - B. Laluan Emas
  - C. Laluan Pedagang
  - D. Laluan Kapas
29. Tahun Baru Cina merupakan perayaan yang terbesar dan paling bertuah. Hari pertama dalam kalendar Cina di panggil sebagai apa?
- A. Shonen
  - B. Nennen
  - C. Rainen
  - D. Xin Nian
30. Kaum wanita perlu mengamalkan tiga kepatuhan (*devotions*). Antara berikut, yang manakah **BUKAN** kepatuhan yang dimaksudkan dalam tradisi masyarakat Cina?
- A. Patuh kepada ibu sebelum berkahwin
  - B. Patuh kepada bapa sebelum berkahwin
  - C. Patuh kepada suami selepas berkahwin
  - D. Patuh kepada anak selepas kematian suami

31. \_\_\_\_\_ diterjemahkan sebagai 'angin dan air'; merupakan amalan tradisional masyarakat Cina purba yang menggunakan kuasa tenaga alam untuk mengharmonikan persekitaran mereka yang mengamalkannya.
- A. Feng Shui
  - B. Ying dan Yang
  - C. Karma
  - D. Daoism
32. Apakah bukti umat Islam memberikan sumbangan besar dalam sejarah Tamadun Cina?
- A. Terdapat lebih 100 juta umat Islam di seluruh China
  - B. Lapan daripada 12 orang gabenor Dinasti Yuan ialah Muslim
  - C. Barang-barang buatan China banyak dipasarkan di Makkah
  - D. Maharaja Dinasti Ming dikatakan pernah menganut agama Islam
33. Manakah di antara pernyataan berikut yang merujuk kepada kesan negatif globalisasi?
- A. Mazlan menghabiskan masa senggangnya dengan melayari laman gosip
  - B. Azhar memakai baju kemeja dan bertali leher setiap hari ke pejabat
  - C. Marjan menggunakan bahasa Inggeris ketika berbual dengan kenalannya
  - D. Nadia memasak burger dan spaghetti untuk sarapan pagi keluarganya.
34. Kenal pasti pernyataan di bawah yang **TIDAK** termasuk di dalam konsep jihad
- A. Ali berusaha mengawal nafsu makannya dengan berpuasa sunat
  - B. Hassan sentiasa berusaha menepati masa dalam setiap temu janji
  - C. Hussin tekun mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan
  - D. Abdullah menggunakan duit PTPTNnya membeli alat permainan video

35. Negara blok Barat khususnya Amerika Syarikat menjadikan alasan memerangi keganasan untuk menghalalkan tindakan ketenteraan mereka di kebanyakan negara Islam yang bergolak seperti di Afghanistan dan di Asia Barat.

Apakah maksud sebenar mereka yang tersirat?

- A. Membantu umat Islam memerangi keganasan
  - B. Membantu regim boneka mengekalkan kuasa mereka
  - C. Mengekang gelombang kebangkitan Islam
  - D. Menyebarkan fahaman demokrasi tulen
36. Mengapakah isu agama tidak boleh dimasukkan ke dalam agenda dialog peradaban?
- A. Kepercayaan beragama adalah hak masing-masing yang tidak boleh dipersoalkan
  - B. Tidak semua mereka yang menyertai dialog mempunyai pegangan agama
  - C. Semua agama melarang penganutnya mengadakan dialog dengan penganut agama lain
  - D. Isu agama dalam dialog peradaban boleh bercanggah dengan hak asasi manusia
37. Pilih cabaran globalisasi yang dihadapi masyarakat dunia Islam kini?
- I. Hedonisme dan filem lucah
  - II. Pemimpin Islam yang pentingkan diri
  - III. Tamadun Barat yang menolak agama
  - IV. Globalisasi dan penjajahan bentuk baru
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV

38. Apakah cabaran **PALING UTAMA** yang dihadapi generasi Y masa kini?
- A. Sikap terlalu bergantung kepada ibu bapa
  - B. Sikap mementingkan diri sendiri
  - C. Kurang pendidikan agama dan suka berfoya-foya
  - D. Terlalu obses dengan gadget elektronik
39. Pernyataan di bawah merujuk impak positif globalisasi ke atas masyarakat Malaysia, **KECUALI**
- A. Ruang dan peluang yang lebih meluas dalam semua lapangan kehidupan
  - B. Proses pembangunan dan pembaratan masyarakat menjadi lebih mudah dan berkesan
  - C. Masyarakat Malaysia turut menikmati manfaat perkembangan sains dan teknologi di dunia Barat
  - D. Masyarakat Malaysia boleh memanfaatkan ruang globalisasi untuk mengembangkan kegiatan ekonomi dan jalinan sosial mereka.
40. Pilih elemen yang membantu proses interaksi antara tamadun
- I. Dialog peradaban
  - II. Perkongsian kepakaran
  - III. Integrasi antara kaum
  - IV. Integrasi antara agama
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV